

EPISTEMOLOGICAL INTEGRATION: ESSENTIALS OF AN ISLAMIC METHODOLOGY oleh Fathi Hasan Malkawi, 2014.

Latar Belakang

Perkataan *epistemology* secara peribadinya bagi saya merupakan suatu yang sangat canggih dan intelektual. Ilmu tentang ilmu: tabiatnya, sumberambilannya, kaedah pengambilannya dan had-had tertentu bagi tiap satunya. Apabila Koordinator Akademik dan Intelektual Majlis Perwakilan Mahasiswa Malaysia Jordan (BKAI MPMMJ) di tempat saya menuntut sekarang, bercadang untuk menganjurkan sebuah kursus pemikiran dengan kerjasama International Institute of Islamic Thought (IIIT) Jordan, saya begitu bersyukur. Sekitar 20 orang mendaftar dan kami diminta untuk menghabiskan buku *Epistemological Integration: Essentials of an Islamic Methodology* dalam tempoh sebulan sebelum mengulas/mengkritiknya. Tiap-tiap kumpulan yang terdiri daripada dua hingga tiga orang ditugaskan untuk bab yang berbeza. Kritikan perlu dibentangkan semasa kursus – di depan penulis asalnya! Bermulalah perjalanan saya dengan susah payahnya memahami buku ini dan perbahasannya seputar teori ilmu.

Mengapa saya memilih untuk mengulas buku ini? Pertama, pengalaman menelaahnya beberapa kali dan menelaahnya secara berkumpulan (kerana susah faham) akhirnya membuat saya jatuh hati. Helai demi helai, saya makin menjiwai panasaran yang menjadi dilema para pemikir seperti Ismail Faruqi, Syed Naquib Al-Attas dan Syed Hossein Nasr apabila mereka mengatakan bahawa cabaran terbesar umat sekarang ialah cabaran pemikiran; dan kelemahan terbesar umat ialah kelemahan pemikiran, pengkaedahan dan teori ilmu (yang sepatutnya menjadi senjata utama untuk menghadapi asakan ideologi masani). Kedua, semasa saya mula melanjutkan bacaan dalam perbahasan ini, beberapa soalan menerjah kotak pemikiran. Oleh itu, saya mendapatkan Prof. Dr. Mohammad Alinor Abdul Kadir di alam maya. Setelah beberapa lama berbincang, beliau mencadangkan saya untuk mengulas buku ini. Saya fikir, mengapa tidak? Ketiga, saya fikir kesedaran tentang pengkaedahan ini *mungkin* belum menjadi wacana arus perdana dalam kalangan warga terpelajar. Masih belum cukup ramai yang membahaskan teori ilmu dan kaedah perteoriantinya (khususnya dalam kerangka Islam) secara teliti, sedangkan inilah alat asasi untuk membangunkan ilmu/gagasan peribumi, menyahpenjajahkan ilmu dan/atau mengislamkan ilmu. Maksudnya saya dengan ‘dalam kerangka Islam’ ialah ‘yang asasnya digali daripada teks’. Ini bukanlah untuk menafikan bahawa banyak perkara itu sebenarnya kefahaman asasi dan tidak perlu dirujuk kepada teks, tetapi kerunsingan saya ialah: sekiranya tidak diadakan rekayasa intelektual sebegini daripada rahim teks agama, Islam di masa depan akan dikecilkan hingga tinggal fiqh dan tasawwuf sahaja lalu kontang aspek intelektualnya – sedangkan wahyu pertama yang bergema ialah Iqra’! Saya harap dengan ulasan ini, akan memercikkan minat dan keinginan untuk menelaah buku ini dan buku-buku lain yang sepertinya.

Pengenalan

Saya merujuk bahagian Prakata buku ini. Buku ini merupakan bacaan persediaan kepada sebuah lagi buah tangan IIIT yang merupakan sumber rujuk utamanya dalam setiap agenda, pemikiran dan pelan tindak badan tersebut, iaitu karangan dua jilid oleh Ahmed Fouad Pasha, *Al-Manhajyyah Al-Islamiyyah*. Bahkan, Prof Fathi Hassan Malkawi (penulis) menyatakan terlibat dalam setiap sesi perbincangan di IIIT Cairo sepanjang 2005-2008 dengan maksud menghasilkan buku tersebut. Berbalik kepada buku yang akan diulas, ia adalah sintesis editorialnya di majalah *Islamiyyah Ma'rifah* dan bahan-bahan kursus latihan yang dikendalikan oleh penulis seputar pedagogi/pendidikan, penyelidikan juga pemikiran Islam sejak 1990. Buku ini juga tidak bermaksud untuk menggantikan mana-mana sukatan 'metodologi pendidikan' di mana-mana pusat pengajian tinggi. Saya fikir wajar disebut bahawa buku ini asalnya adalah dalam Bahasa Arab sebelum diterjemahkan pada tahun 2014 oleh Nancy Roberts, IIIT London. Versi yang saya baca ialah versi terjemahan ini.

Prof Malkawi mengakui hakikat bahawa perbahasan teori ilmu dan perteorian ilmu bukanlah langsung tidak pernah ditulis. Namun, pada pengamatannya, buku-buku sedemikian banyaknya bertumpu kepada sisi pemerolehan dan pengorientasian ilmu/gagasan sahaja, kurang memberatkan soal pengoperasian dan perlaksanaannya. Oleh itu, Prof Malkawi berhasrat untuk menggemakan semula seruan kesedaran teori ilmu Islam dan menggerakkan para pemikir untuk mula merekayasa pelan tindak strategi bagi merealisasikan kesedaran tersebut secara kritis dan kreatif bagi membentuk ilmu/gagasan yang mampu bersaing di gelanggang ideologi masani. Buku ini mengandungi tujuh bab semuanya. Dalam ruangan yang terhad ini, saya hanya akan mengulas dan meringkaskan Bab 1, Bab 2, Bab 6 serta Bab 7 sahaja.

Memahami Konsep Persepaduan/Penyepaduan Ilmu

Pada Bab 1: *Concepts of Epistemological Integration*, di awal-awalnya, Prof Malakawi ada menyentuh bahawa penggunaan lazim istilah *epistemological integration* atau dalam Bahasa Arabnya *al-takamul al-ma'rifi* itu ada tiga: (1) merujuk penguasaan yang dalam terhadap bidang-bidang ilmu yang luas dan pelbagai; (2) penyepaduan dua bidang yang terasing (*hard sciences* dan *soft sciences*); dan (3) persepaduan antara ilmu dan amal. Ibn Taymiyah misalnya mengakui persepaduan akal dan wahyu juga al-Qushayri yang mengakui persepaduan antara kesufian (*al-Tariqah*) dan kebenaran (*al-Haqiqah*) al-Quran. Yang demikian bertindak sebagai asas kefahaman tentang makna khusus istilah tersebut yang hendak dihuraikan oleh Prof Malkawi.

Perbahasan tentang Persepaduan/Penyepaduan Ilmu pada beliau mempunyai dua sisi: (1) sisi pemikiran/intelektual, iaitu apabila kita menyelidikinya sebagai sebuah falsafah di mana persepaduan itu ternyata benar dan benar-benar wujud (*ontology*) lalu membina kaedah tertentu yang bersesuaian dengannya; dan (2) sisi kebudayaan/tindakan, iaitu apabila kita mengoperasikan kaedah yang timbul daripada kefahaman persepaduan tersebut untuk

menyepadukan ilmu-ilmu bertujuan politik, ekonomi dan sosial. Oleh itu, dalam kata lain, gagasan Persepaduan/Penyepaduan Ilmu ini wujud dalam dimensi Binaan dan dimensi Gunaan. Bagi maksud Binaan, ahli-ahlinya perlulah menguasai ilmu-ilmu Quran dan ilmu-ilmu kemanusiaan di mana mereka dituntut supaya menganalisis tiap satunya, melakukan dekonstruksi lalu melihat bagaimana tiap satu bahagian tersebut berfungsi. Mereka akan langsung melihat sebuah persepaduan (yang digelapkan) lalu perlu merekayasa sebuah kaedah penyepaduan yang berdiri atas persepaduan tersebut. Tidak lupa, keperluan untuk mereka menyedari latar belakang teori ilmu yang berbeza (Islam dan Barat) dan lapangan ilmu yang berbeza (sains, ekonomi dll) agar kerja-kerja terlaksana dengan lebih baik. Bagi maksud Gunaan pula, ahli-ahlinya tidaklah menghasilkan sebuah kaedah, tetapi menggunakan kaedah yang telah dihasilkan bagi tujuan menghasilkan ilmu/gagasan baru yang benar-benar memberi impak pada lapangan ilmu tersebut. Tamsil mudahnya, aspek Binaan dalam Teori Persepaduan/Penyepaduan Ilmu bertindak ‘membina’ teori-teori manakala aspek Gunaannya ‘menggunakan’ teori-teori tersebut untuk menyepadukan ilmu-ilmu.

Jelasnya, Teori Persepaduan/Penyepaduan Ilmu ini bertitik tolak daripada falsafah Kesatuan Ilmu. Falsafah yang menjadi dasar logika teori ini tentunya mengambil inspirasi daripada akidah Islam dan rentetan kesedaran akannya, iaitu Tauhid. Tauhid, tegas Prof Malkawi ialah asas binaan dan identiti peradaban Islam. Hubungkait akidah Tauhid dengan falsafah Kesatuan Ilmu dilihat secara jelas daripada tiga sudut: (1) bahawa ilmu itu satu sumbernya iaitu Allah swt; (2) bahawa alam itu merupakan ‘ayah’ Allah swt yang menganugerahkannya sebuah kekudusan rentetan daripada pengakuan al-Quran, yang memperoleh kekudusannya sendiri sebagai Kalam Allah – ilmu dalam pandangan ini telah menjadi sebuah komposit yang mengandungi dua bahagian yang saling berkaitan; dan (3) bahawa ilmu itu mempunyai tingkatan tertentu yang berlainan kepentingannya, dan ilmu tentang Allah swt (tauhid, taqwa) adalah yang paling mulia kerana memperihalkan Kewujudan yang paling mulia, lalu manusia wajar menguasai ilmu-ilmu lain bagi maksud menguasai ilmu tersebut (maka terbentuklah keterikatan dan kesatuan antara setiap ilmu).

Daripada penerangan di atas, wajarlah diinsafi bahawa Tauhid di sini bukan semata-mata difahami oleh para pemikir sebagai konsep metafizik, bahkan ia dibawa keluar menerjah ke relung pemikiran abstrak lalu dioperasikan dalam dunia realiti sebagai sebuah tindakan. Mengehadkan Tauhid dalam kerangka metafizik tentunya memisahkan dunia daripada (prinsip) agama yang mewujudkan dedua – membawa kepada syirik. Tauhid sebagai sebuah prinsip pengkaedahan (*methodological principle*) merangkumi kesatuan kebenaran, penolakan percanggahan dan keterbukaan kepada bukti baru juga kajian. Ketiga-tiga ini akan menolak kepalsuan, ilusi dan rekaan (walaupun tidak dinyatakan dengan jelas bagaimana hal ini berfungsi).

Cabaran dan Masalah dalam Teori Persepaduan/Penyepaduan Ilmu

Terdapat beberapa masalah besar yang digariskan oleh Prof Malkawi. Pertamanya, berikutan tabiat penyepaduan ini yang memerlukan kepada penelitian rentas disiplin, analisis marjinalnya kadang-kadang tidak begitu memberansangkan. Ini berikutan, untuk menguasai bidang yang luas dan mendalam sampai ke tahap mampu mencerna perbincangan dasarnya, usaha keras yang besar terpaksa dilaburkan dan masa yang panjang dileburkan. Jika dalam kuantiti masa dan kualiti kerja yang sama ditumpukan pada satu bidang sahaja, tentu lonjakan kepakaran ke tahap tertinggi dan pengkhususan ke bidang paling seni dapat dilakukan oleh individu tersebut lalu melakar portfolio akademiknya yang tersendiri. Terlalu banyak ketidakpastian (*uncertainty*) dalam lapangan ini. Inilah cabaran paling besar untuk meyakinkan sesiapa pun menjerumuskan diri dalam kancuh persepaduan/penyepaduan.

Selain itu, atas desakan-desakan tertentu samada daripada penaja, tekanan sekeliling dan dorongan keinginan yang kuat dalam *psyche* untuk menemukan sebuah persepaduan ilmu, akan terjadi penerokaan separuh masak, di mana penyelidik menemukan sesuatu yang tiada atau tidak pernah ada. Dalam kata lain, *conformational bias*. Kesilapan ini merupakan satu kerisauan yang berasas berikutan kecenderungan manusia untuk mengkonsepsikan sesuatu dan mengesahkannya dengan terburu-buru berdasarkan konsep awal (*preconception*) yang mereka percaya. Hal ini jelas-jelas akan memberikan dampak buruk kepada kajian persepaduan/penyepaduan. Malah, sesetengah penyelidik juga mungkin melambakkan istilah jargon dalam tulisan mereka bagi mengaburi kedangkalan kajian dan dapatan kajian.

Cabaran seterusnya ialah silap faham yang berlaku dalam kalangan pendokong Teori Persepaduan/Penyepaduan Ilmu. Menjadi kelaziman bahawa penyepaduan itu berlaku dengan menyepadukan program pengajian di universiti. Para pelajar yang melalui proses pengajian akan mengambil subjek-subjek kemanusiaan misalnya, dan subjek-subjek agama. Begitu juga dengan teks kuliah yang sekadar memasukkan beberapa maklumat tambahan berkaitan prinsip Islam dan sejarah ilmunya di sana-sini secara terpenca-penca. Ini jelas dan nyata satu silap faham yang berbahaya. Penyepaduan bukan bersifat 'campur' tetapi 'uli' di mana kedua-duanya menjadi sehati. Para pelajar perlu dibawa kepada kefahaman asas tentang mekanisme kedua-dua (atau lebih) bidang ilmu tersebut sebelum kesedaran tentang persepaduan itu muncul dan jelas kelihatan kepada mereka. Untuk itu, bukan hanya program pengajian yang perlu dipinda, malahan sukatan pendidikan dan teknik pedagogi sendiri perlu dirombak bagi maksud sebuah persepaduan/penyepaduan ilmu.

Kaedah dan Pengkaedahan

Sejak lama, para sarjana Islam hangat membincangkan tentang kerangka kaedah (*method*) Islam. Pengkaedahan Islam (*Islamic Methodology*) ini pula, seperti mana pengkaedahan-pengkaedahan yang lain, adalah berdasarkan kepada falsafah yang jelas dan prinsip yang tetap. Bagaimanapun, masih terdapat ruang penafsiran semula, pendalaman makna dan penambahbaikan, bersesuaian

dengan pengalaman baru dan perubahan-perubahan zaman yang dialami. Oleh itu, menjadi tanggungjawab setiap generasi untuk memperbaharui pemahaman generasi terdahulu lalu menerobos sempadan dan ufuk lama ilmu pengetahuan. Prof Malkawi menulis bahawa mereka (generasi muda) dalam melakukan semua itu perlu untuk berpandukan dan mengambil inspirasi daripada tujuan-tujuan ketuhanan dalam penciptaan alam. Pandangan sama digemakan oleh kedua-dua tokoh Prof Tariq Ramadan dan Sh. Hamza Yusuf sewaktu mereka berkongsi pentas di Universiti Oxford dalam wacana 'Rethinking Islamic Reform'. Kata mereka, secara ikhtisar dan intisarinnya, pembaharuan (*reform*) dalam Islam merupakan satu semakan kepada pengkaedahan (*methodological introspection*) sedia ada dan renungan berfalsafah (*philosophical contemplation*) terhadap pengamalan Islam semasa; pembaharuan dalam Islam adalah supaya pengamalan Islam (atau *shari'ah*) lebih menepati kehendak Tuhan (atau *shari'*), bukannya semata-mata sebagai satu penyesuaian (*adaptation*) kepada tuntutan kemodenan atau dunia Barat - Pembaharuan Islam itu adalah sangat *methodological* dan *philosophical*, bukannya *apologetic*. Prof Tariq Ramadan menambah lagi bahawa, sebagai seorang Muslim yang betul beriman dan benar terhadap imannya, kita perlu melakukan pembaharuan-pembaharuan ini dalam pengertian yang telah diterangkan.

Justeru pada Bab 2: *Method and Methodology*, buku ini telah memperihalkan tentang persamaan dan perbezaan antara dua istilah yang sangat penting ini. Dalam berbuat demikian, Prof Malkawi telah mengambil pendekatan semantik dengan membahaskan asal-usul perkataan-perkataan yang berkaitan dalam bahasa Arab dan membincangkan penggunaan-penggunaan setiap daripada mereka dalam konteks al-Qur'an. Perkataan *nahj*, *manhaj* dan *minhaj*, kesemuanya berkongsi kata dasar yang sama iaitu *n - h - j* yang membawa erti 'menjadi lapang' atau 'menjadi jalan yang terbuka/terbentang'. *Minhaj* pula menurut Al-Qurtubi membawa banyak makna antara lainnya ialah air, menghilangkan dahaga dan jalan yang terbuka/terbentang. Perkataan *manhaj*, dalam penerangan Qurani, berkait rapat dengan *shir'ah* seperti yang digambarkan dalam Surah al-Maidah ayat 48. Seseengah sarjana silam cuba menghuraikan perbezaan antara keduanya dengan menerangkan bahawa *shir'ah* merujuk kepada kandungan al-Quran, manakala *manhaj* bermaksud Sunnah Baginda saw. *Shir'ah* pula sangat berkait rapat dengan *shari'ah* yang bermaksud 'kaedah menghampiri/melakukan sesuatu'. Perlu diinsafi bahawa, walaupun Islam ialah agama yang satu, pengamalannya atau *shari'ah* adalah berbeza menurut zaman nabi-nabi terdahulu. Justeru, hujah penulis, *shari'ah* juga ialah satu perkataan yang menerangkan tentang cara hidup, cara beramal dan cara bekerja; jika kita kita boleh mengatakan sesuatu sebagai *shari'ah Islam*, maka ia juga boleh disebut sebagai *pengkaedahan Islam*.

Menginsafi bahawa kata *pengkaedahan* juga boleh disamaertikan dengan *shari'ah*, seterusnya kita akan memahami bahawa setiap binaan kaedah Islam itu haruslah dipandu dengan wahyu dan petunjuk yang betul daripada Tuhan; sememangnya, dalam setiap ayat al-Quran yang membincangkan *shari'ah* dan *manhaj*, unsur-unsur petunjuk ini ditekankan (penulis menggarap kesemua ini dengan membawa contoh-contoh daripada Surah al Baqarah ayat 108, Surah al-Fatihah ayat 1-6, dan Surah al-Ahzab ayat 4, sekadar menyebutkan beberapa contoh yang

dibawa). *Manhaj* dan *shari'ah* juga, sebagai satu perlambangan kepada maksud sebenar 'kaedah' dan 'pengkaedahan' dalam Islam, disebut sebagai jalan untuk menyempurnakan tujuan-tujuan manusiawi yang digariskan dalam al-Qur'an sebagai tiga: (1) mengabdikan diri kepada Allah; (2) mentadbir dunia sebagai *khalifah*; dan (3) memakmurkan kehidupan manusia (konsep '*imran*'). Tetapi, jika dikecilkan skop dalam perbincangan keilmuan dan epistemology, *manhaj* dan *shari'ah* ini boleh juga disebut sebagai kaedah, perjalanan dan perpindahan daripada satu keadaan epistemologi (*epistemological state*) kepada keadaan epistemologi yang lain (lebih baik). *Manhaj* juga dikaitkan dengan *maqsid/maqsad* yang bererti tujuan, di mana sesuatu *manhaj* itu dinilai dari segi tujuannya. Berbeza dengan *manhaj*, tetapi masih dalam cakupan yang hampir sama, *manhajyyah* (*methodology*, pengkaedahan) boleh merujuk Methodism (iaitu sebuah aliran falsafah yang muncul pada abad ke-18 di Universiti Oxford), atau sebuah disiplin yang mengkaji kerangka teoritikal sesebuah aliran pemikiran atau falsafah, iaitu dengan menyelidik andaian-andaian asasnya serta segala premis dan konsepsi yang terkandung, atau kajian saintifik terhadap kaedah-kaedah, iaitu dengan menilai keberkesanan, kejelasan dan tujuannya. Menurut Prof Malkawi, pengkaedahan dapatlah dengan ini dikaitkan dengan ilmu-ilmu logik Greek-Arab, *usul al-fiqh* Imam Shafi'I dan *mi'yar al-'ulum* atau *mi'yar al-nazar* Imam Ghazali.

Buku ini seterusnya membawakan kepada kita beberapa pandang sisi daripada tokoh-tokoh pemikir dan sarjana Muslim yang berkecimpung sejak lama dalam bidang pengkaedahan seperti Ismail Faruqi, AbdulHamid AbuSulayman, Taha Jabir AlAlwani, Taha Abd Al-Rahman dan Ahmad Al-Raysouni. Menariknya, beberapa nama besar seperti Seyyed Hossein Nasr dan Syed Naquib Al-Attas tidak diberikan pemberat yang secukup (dan sewajarnya) oleh penulis. Bahkan, nama-nama yang disebutkan oleh penulis juga ialah mereka yang 'akrab' dengan IIT. Menolak isu politik ke tepi, di pengakhiran bab ini, penulis membawakan kepada pembaca perbezaan dan persamaan antara tiga istilah yang berkait dalam cakupan pengkaedahan: sarwapandang (*worldview*), paradigm (*paradigm*) dan Model Penjelasan (*explanatory model*). Secara peribadinya saya melihat penjelasan yang dibuat lebih mengelirukan daripada mencerahkan. Oleh itu, saya tidak akan mengulasnya.

Persepaduan/Penyatuan Sumber dan Perkakasan Pengkaedahan

Dalam Bab 6: *Sources and Tools of Methodology*, Prof Malkawi membincangkan tentang sumber-sumber pengkaedahan Islam yang dibina atas semantik perkataan Arab, *masdar* yang membawa maksud sumber. Kata akar kepada perkataan ini *s - d - r* dijelaskan mempunyai pelbagai pecahan makna seperti depan, keluar ke depan (al-Zalzalah: 6) atau bahagian depan atau dada - sebagai tempat *memahami* (al-Hajj: 46; Ta Ha: 25). Beliau seterusnya mengulas perkataan *masdar* atau sumber dalam erti kata penggunaan biasa kehidupan seharian (*lexical meaning*) dan dalam erti kata bidang-bidang ikhtisas seperti sumber hukum fiqh dan sebagainya. Selesai memetakan sebuah gambaran tentang pengertian sumber, Prof Malkawi meneruskan agendanya dengan menerangkan tentang dua sumber penting, bahkan hanya dua sumber ini saja, kepada pengkaedahan Islam: wahyu dan alam.

Perkataan wahyu seperti mana yang difahami dalam al-Quran itu sendiri merujuk titah-titah Allah swt yang disampaikan kepada orang-orang yang dipilih-Nya melalui pelbagai jalan penyampaian (mimpi, ilham, langsung dll) seperti yang dirakamkan al-Qasas:7 dan juga kepada hidupan atau makhluk selain manusia seperti dalam al-Nahl:68. Kefahaman ini adalah satu yang penting dalam mendasarkan sebuah falsafah penyatuan/persepaduan sumber yang akan diterangkan kemudian. Wahyu juga, dalam kefahaman Prof Malkawi, mempunyai dwifungsi: (1) sebagai sumber kepada semua cerapan akal dan cerapan inderawi manusia dalam menjalani kehidupan (hukum-hakam fiqh, kepercayaan kepada perkara ghaib, makna/tujuan kehidupan dsb); dan (2) sumber kepada semangat-semangat dalam menanggapi kehidupan dan menggali makna-makna lain yang tidak diungkapkan secara langsung dalam wahyu itu sendiri. Mengulas perkara (2) ini, Prof Malkawi menegaskan bahawa wahyu dalam sesetengah keadaan tidak diturunkan sebagai sajian jawapan yang segera kepada manusia, tetapi juga sebagai satu panggilan kepada progress, kemajuan dan penyelidikan. Kefahaman ini dapatlah diibaratkan bahawa, bagi Prof Malkawi, wahyu itu juga memiliki sebuah sisi yang patut dianggap sebagai satu *wahlspruch*. Michel Foucault semasa mengulas esei fenomenal Immanuel Kant, *Apa Itu Pencerahan* menyebut *wahlspruch* sebagai "... a motto, an instruction that one gives oneself and propose to other." Seterusnya, kata beliau, Pencerahan pada Kant mempunyai *wahlspruch*-nya yang tersendiri iaitu *Sapere Aude!*. Frasa Latin ini bermaksud (secara longgarnya) 'berani untuk tahu'. Bagi Foucault, Pencerahan seterusnya bukan lagi sebuah fenomena atau tempoh zaman tertentu, tapi juga sebagai suatu tindakan dan suruhan supaya bertindak. Mungkin, dengan memahami wahyu, bukan lagi sekadar tempat rujukan tetapi sebagai sanggar semangat, sebuah Pencerahan Islam yang berasaskan pengkaedahan dan falsafah ilmu dapat dibangunkan sebagai sebuah projek intelektual yang tersusun dan mapan.

Seperti yang telah diterangkan di atas bahawa wahyu juga diilhamkan kepada bukan-manusia seperti dalam al-Nahl:68, pada tanggapan seorang Muslim yang sebenar, alam bukanlah suatu kekacauan (*chaos*) bahkan satu keteraturan yang dapat kita gali makna-makna dan petunjuk ilahiah (*divine guidance*) daripadanya. Alam digambarkan sebagai *ayah kauniyyah* iaitu wahyu Ilahi dalam bentuk penciptaan. Justeru, alam tidak dapat tidak, perlu dijadikan sebagai sumber kepada sebuah pengkaedahan Islam. Prof Malkawi menghuraikan bahawa alam dalam pengertian yang lebih terperinci merangkumi tiga ranah utama: alam tabii, alam sosial (perhubungan manusia) dan alam jiwa-batin (*psychology*).

Pada Prof Malkawi, al-Quran sebagai wahyu yang utama merupakan sebuah 'bacaan' (*quran* bererti bacaan) yang perlu dibaca secara bersepadu dengan alam. Melalui kefahaman bahawa alam itu merupakan gabungan tiga ranah utama, maka difahami bahawa penafsiran terhadap al-Quran itu sendiri akan berubah (dan ini diakui sebagai perubahan yang sah dalam kerangka kaedah tafsir) melalui perubahan kefahaman manusia terhadap alam tabii, alam sosial dan alam jiwa-batin mereka. Penulis membawa contoh polemic antara al-Qurtubi dan Ibn al-Rawundi. Pada al-Qurtubi, ayat-ayat al-Quran seperti al-Ra'd:13, al-Nazi'at:30 dan al-Zumar:5 dengan

jelas mengatakan bahawa bumi itu berbentuk rata dan tidak bergerak-gerak (disebut kini sebagai *geocentrism*); beliau seterusnya mengkritik keras Ibn al-Rawundi yang mengatakan sebaliknya. Walaupun kita boleh memahami kesilapan yang dilakukan oleh al-Qurtubi dalam menafsirkan ayat-ayat tersebut berikutan kekurangan beliau dalam menguasai ilmu sains, kita tidak dapat menerima sebuah penafsiran yang bercanggah dengan bukti-bukti yang jelas pada zaman kita hari ini. Oleh itu, pada penulis, kesalahan-kesalahan sarjana silam dalam memahami teks/wahyu ialah petunjuk kepada kefahaman al-Quran itu sendiri tidak terkongkong dalam huruf-huruf dan perkataan-perkataan sucinya sahaja, tetapi perlu difahami dalam kerangka zaman dan pencapaian ilmu.

Dalam bab yang sama, penulis meneruskan perbincangan kepada perkakasan yang digunakan dalam membentuk sebuah pengkaedahan Islam. Bagi Prof Malkawi, perkakasan yang ada hanyalah akal dan indera. Akal atau '*aql*' disebut oleh penulis sebagai 'minda' atau 'fikiran' yang berkait dengan proses intelektual dan renungan. Ayat-ayat al-Quran seperti al-Baqarah:44 dan al-Baqarah:73 diungkap sebagai gambaran kepada dua maksud yang telah dikemukakan. Menurut Prof Malkawi, akal dalam al-Quran digunakan secara berganti-ganti dengan *rushd* iaitu pencernaan dan kesedaran tentang perkara yang betul. *Rushd* ialah lawan kepada *dhalal* iaitu gagal untuk menurut kebenaran walaupun tahu bahawa ia perlu menurut kebenaran. Sebuah lagi istilah penting yang berkaitan ialah *ghay* iaitu gagal menurut kebenaran dalam masa yang sama lupa bahawa ia perlu menurut kebenaran. Berkaitan soal indera pula, penulis menerangkan bahawa, walau wujud ranah atau dimensi di mana indera dipisahkan terus daripada akal, seperti dalam menanggapi kualiti cahaya dan bunyi, terdapat contoh-contoh Qurani yang seolah-olah tidak memisahkan akal dan indera seperti dalam Al 'Imran:52. Dalam gema pemikiran yang hampir sama, Mohd Zaidi Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) menyebut dalam bukunya, *Aqal Dalam Islam: Satu Tinjauan Epistemologi*, bahawa '*aql*' itu merupakan satu kesedaran secara sendirinya, yang terbahagi kepada tiga: akal-fikiran, indera dan *naql*¹. Justeru, adalah mustahil untuk memahami wahyu tanpa menitikberatkan kedua-dua daripada perkakasan ini untuk membentuk satu pengkaedahan Islam. Al-Quran, hujah Prof Malkawi, sememangnya diturunkan kepada manusia dan tidak dapat difahami melainkan dalam pengalaman-pengalaman manusiawi yang merangkumi kedua-dua akal dan indera.

Prinsip dan Nilai Pengkaedahan

Prinsip dan nilai mempunyai pengertian yang hampir sama dan sering digunakan secara tukar ganti (*interchangeable*) oleh para sarjana. Oleh itu, dalam Bab 7: *Principles and Values of Methodology* Malkawi Hassan membincangkan persamaan dan perbezaan keduanya, intipati dan bagaimana kedua-duanya mempengaruhi sebuah pengkaedahan Islam. Penulis bermula dengan

¹ Walaupun Mohd Zaidi Ismail sebenarnya berpendapat bahawa ilmu ialah hasil pentajridan (*abstraction*) yang dijalankan *aql*-fikiran terhadap maklumat (yang diperolehi daripada tanggapan indera atas dunia), secara jelasnya, Mohd Zaidi Ismail dan Malkawi Hassan berkongsi falsafah yang sama iaitu bahawa reduksi Barat yang hanya mementingkan akal (dalam erti kata *reason*) perlu ditolak, dan sebuah pengkaedahan Islam yang berdiri atas dasar Tauhid atau menyepadukan semua (akal, wahyu dan indera) dalam sebuah perhubungan yang erat.

menerangkan bahawa prinsip atau *mabda'* tidak disebut dalam al-Quran secara jelas melainkan perkataan dasarnya *badaa* yang bermaksud mula (al-Rum:11, al-Anbiya 104). Bagi Prof Malkawi, ini masih bertepatan dengan penggunaan kata prinsip dalam bidang-bidang ikhtisas sebagai satu permulaan, dasar falsafah dan andaian-andaian asasi dalam mengemukakan suatu penjelasan dan pemikiran. Sebagai sebuah gambaran yang indah, penulis menerangkan bahawa prinsip (*mabda'*) merupakan tempat mula kepada sebuah garisan (*manhaj*) yang menuju kepada titik akhir (*maqsid*) yang mana sepanjang jalan itu akan dihiasi dan disemaikan nilai-nilai Islam. Nilai Islam ini pula, menurut Al Alwani, merupakan sebuah sistem tripartite yang terangkum padanya *Tawhid*, *Tazkiyah* dan *Umran*. Begitupun, *Tawhid* merupakan nilai teras yang menjadi asas kepada dua yang selebihnya.

Pengkaedahan sebagai sebuah sains/disiplin tentunya mempunyai falsafah, titik mula dan andaian-andaian asasinya yang tersendiri (atau prinsip). Prinsip-prinsip ini pula dapatlah dibahagikan kepada dua peringkat: (1) Peringkat Asasi/Umum/Universal, iaitu yang mengambil terus daripada rukun Islam, rukun Iman dan *maqasid shari'ah*; dan (2) Peringkat Khusus/Ikhtisas, iaitu yang bersangkutan dengan tiga bahagian penting: (a) Pemikiran; (b) Penyelidikan; dan (c) Perilaku. Secara ikhtisarnya, prinsip-prinsip bagi sebuah Pengkaedahan Islam itu ialah: (1) berusaha mengelakkan percanggahan prinsip dalaman (*internal inconsistency*) dan memupuk keharmonian yang menyeluruh; (2) mengambil al-Quran dan as-Sunnah sebagai kata putus dengan memahaminya secara betul menurut (1); (3) membaca teks secara bersepadu dengan alam; (4) menyemai dan memupuk nilai-nilai Islam berdasarkan sistem tripartite; dan (5) menyemai dan memupuk program Pengislaman Ilmu. Penulis kemudian menyambung perbahasan dengan membentangkan sebuah kefahaman bagaimana aspek-aspek *Tawhid*, *Tazkiyah* dan *Umran* dihidupkan dalam ranah-ranah yang berbeza seperti kekeluargaan, politik dan estetika.

Penutup

Sedikit pendapat ringkas berkaitan buku ini, saya melihat bahawa perbahasan di dalamnya sebenarnya sangat asasi. Dengan kata asasi saya merujuk kepada dua kualiti iaitu penting dan permulaan. Mengkhatamkan bacaan ini tidak akan membuahkan kepakaran tetapi sekurang-kurangnya dapat memberikan kefahaman asas yang bersifat tinjauan untuk mula menjinakkan diri dengan bacaan yang lebih rinci. Buku ini juga, pada pendapat saya, bagi pemula, tidak wajar dibaca kurang daripada dua kali. Ini berikutan penggunaan bahasanya yang agak janggal (seolah-olah terjemahan literal Arab-Inggeris) dan penstrukturannya yang sedikit kurang memuaskan. Membaca buku ini memerlukan fokus yang tinggi dan ingatan yang kuat tentang kronologi bacaan yang telah dibuat. Sekurang-kurangnya, pada hemat saya, menerusi bacaan kali kedua, pembaca pada waktu itu sudah memperoleh gambaran tinjauan tentang persepaduan antara bab, dan antara bahagian dalam bab, lalu mampu untuk merangkaikannya dalam sebuah penyepaduan ilmu/gagasan yang cuba dibawa oleh Prof Malkawi.

Sepertinya, saya mengutarakan bahwa, hanya setelah selesai membaca buku ini dan memahaminya secara tinjauan, barulah saya dapat membacanya dengan lebih baik.

Abdul Muhaimin Hamzah

Mahasiswa perubatan di Jordan University of Science and Technology, Jordan.